

KONSEP ZAKAT DAN PERANANNYA TERHADAP MASYARAKAT SEJAGAT

Muaz Bin Omar

Calon Sarjana Syariah dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Norita Binti Kamaruddin

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Email: norita@kuis.edu.my

Dr. Fakhri Sungip

Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Email: fakhri@kuis.edu.my

Abstrak

Pensyariaan zakat adalah salah satu daripada sejumlah disiplin yang disyariatkan oleh Allah SWT untuk meluruskan perangai manusia, agar bersesuaian dengan syarat kebahagiaan bagi perkumpulan manusia, sama ada dalam bentuknya sebagai sebuah perkumpulan yang saling berkasih sayang, mahupun sebagai individu yang setiap orang daripada mereka mencita-citakan kemuliaan dan kebahagiaan peribadinya di dalam kehidupan ini. Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga, merupakan kewajipan bagi setiap individu Muslim yang mampu menunaikannya. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti konsep sebenar zakat dan peranannya terhadap masyarakat sejagat. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merujuk kepada buku-buku, artikel-artikel, jurnal-jurnal ilmiah dan laporan daripada Majlis Agama Islam Negeri.

Kata kunci: zakat, Majlis Agama Islam Negeri

1. Pengenalan

Syariat Islamiyah berlandaskan Al-Quran dan Al-Hadis adalah bersifat sempurna dan lengkap serta merangkumi segala aspek iaitu bukan sahaja berkaitan hubungan dengan Allah SWT tetapi turut merangkumi hubungan sesama manusia dan makhluk lainnya. Di samping itu, ia juga menyentuh aspek-aspek lain berkaitan kerohanian dan kebendaan dalam pelbagai bidang termasuklah bidang kemasyarakatan, ekonomi, politik dan sebagainya. Zakat merupakan salah satu ibadah yang disyariatkan oleh Islam dan memainkan peranan yang penting dalam membangunkan umat Islam yang dikehendaki dan diredhai Allah SWT serta berupaya meningkatkan martabat ummah. Sejarah zakat telah bermula sejak zaman permulaan Islam di Makkah lagi tetapi perintah diwajibkan zakat pada masa tersebut adalah secara umum. Ayat-ayat Al-Quran yang menerangkan perintah wajib menunaikan zakat juga tidak dinyatakan secara terperinci tentang jenis-jenis harta benda dan jumlah yang diwajibkan zakat. Zakat pada ketika itu ditunaikan sekadar mengikut timbang rasa orang-orang Islam dan kemurahan hati mereka. Hanya setelah Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah dan terbentuknya umat Islam dan negara Islam pada tahun yang kedua hijrah, barulah zakat disyariatkan dalam bentuk yang lengkap dan sempurna iaitu telah ditetapkan secara terperinci berkaitan jenis-jenis harta benda dan jumlah yang wajib dikeluarkan zakat, asnaf atau golongan yang berhak menerimanya serta hal-hal lain yang penting berkaitan dengannya (Mastika Hadis Jilid 3, JAKIM). Bahkan telah dinyatakan dalam al-Quran bahawa menunaikan zakat merupakan sebahagian daripada ciri-ciri mereka yang beriman sebagaimana firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ
أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (٧١)

Maksudnya:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagiannya menjadi penolong bagi sebahagian yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah SWT dan RasulNya SAW. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah SWT, Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.

Surah At-Taubah
(9):71

Manakala bagi mereka yang gagal melaksanakan kewajipan zakat telah dijanjikan balasan azab yang pedih di akhirat kelak. Hal ini ditegaskan sebagaimana firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ اللَّهُ وَأَحَدٌ فَاسْتَقِيمُوا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ (٦) الَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ
بِالْآخِرَةِ هُمْ كَافِرُونَ (٧)

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredhaan-Nya), serta pohonlah kepadaNya mengampuni (dosa-dosa kamu yang telah lalu). Dan ingatlah, kecelakaan besar bagi orang-orang yang mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu yang lain), iaitu orang-orang yang tidak memberi zakat (untuk membersihkan jiwa dan hartanya) dan mereka pula kufur ingkar akan adanya hari akhirat”.

Surah Al-Fussilat
(41):6&7

2. Definisi Zakat

Dari sudut bahasa menurut lisan al-arab, zakat boleh ditakrifkan sebagai suci, tumbuh, berkat dan terpuji. Pengertian suci dalam definisi zakat pula bermaksud menyucikan harta dan diri orang kaya daripada bersifat kedekut dan bakhil dan menyucikan diri daripada sifat dengki dan dendam terhadap mereka. Zakat juga boleh dimaksudkan dengan keberkatan, kesucian, perkembangan dan kebaikan. Dinamakan zakat kerana ia dapat mengembangkan harta yang telah dikeluarkan zakatnya dan menjauhkannya dari segala kerosakan sebagaimana kata-kata Ibnu Taimiyyah “Diri dan harta orang yang mengeluarkan zakat menjadi suci dan bersih serta hartanya berkembang secara maknawi”. Pendapat lain pula mengatakan kalimah zakat diambil kata kerja ‘tazakka’ yang bermaksud ‘mensucikan’ sebagaimana digunakan dalam ayat-ayat al-Quran dan hadis, antaranya firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ (١٠٣)

Maksudnya:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu (Muhammad) itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

Surah At-Taubah
(9):103

Dari sudut istilah syarak menurut Dr. M. Yusuf Al-Qardawi (1987), zakat dari sudut istilah boleh ditakrifkan dengan sejumlah harta tertentu yang diwajibkan Allah SWT untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak iaitu mengeluarkan jumlah tertentu. Jumlah yang dikeluarkan dari kekayaan itu disebut zakat kerana apa yang dikeluarkan itu bertambah banyak, lebih bererti dan dapat melindungi kekayaan daripada binasa. Ali Akbar Osman (1995) pula mendefinisikan zakat secara istilah sebagai kadar harta tertentu yang diberikan kepada yang berhak menerimanya dengan beberapa syarat. Justeru, zakat secara istilah atau fiqhiyyah boleh difahami sebagai sejumlah harta tertentu yang diwajibkan Allah untuk diserahkan kepada golongan yang berhak apabila cukup syarat-syaratnya (Baitulmal Negeri Sembilan, MAINS). Harta yang dikeluarkan itu dinamakan dengan zakat kerana zakat itu membersihkan diri daripada sifat bakhil, dengki dan dendam serta berupaya menyuburkan harta dan memperbanyakkan pahala mereka yang memberi atau mengeluarkannya. Zakat Syar'ie juga turut disebut sedekah di dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW dan ditegaskan oleh Imam al-Mawardi dalam bukunya al-Ahkam al-Sultaniah. Beliau berkata "Perkataan sedekah itu semakna dengan perkataan zakat, sebutan nama yang berlainan tetapi memberi makna yang serupa".

3. Hukum Zakat

Zakat merupakan rukun ketiga dari lima rukun Islam dan menjadi salah satu unsur penting bagi tertegaknya syariat Islam. Justeru, diwajibkan zakat ke atas setiap muslim yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Mereka yang enggan membayar zakat boleh diperangi manakala mereka yang menolak ketetapan wajib menunaikan zakat pula adalah dianggap kafir. Bahkan tercatat dalam sejarah Islam bahawa Khalifah Abu Bakar sendiri telah memerangi orang-orang yang mengingkari perintah membayar zakat. Kewajipan menunaikan zakat jelas ditegaskan dalam banyak ayat-ayat Al-Quran dan hadis Nabi SAW. Antaranya, Allah SWT memerintahkan agar ditunaikan zakat dalam firman-Nya:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ (٤٣)

Maksudnya:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk”.

Surah Al-Baqarah
(2):43

Mereka yang kaya dan mempunyai harta yang cukup syarat untuk dibayar zakat hendaklah sedar bahawa terdapat hak orang-orang fakir dan miskin yang perlu ditunaikan di dalam harta yang mereka miliki.

Manakala salah satu hadis Nabi SAW yang menyebut tentang kewajipan zakat pula telah diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a, katanya: “Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Aku diperintahkan supaya memerangi manusia sehinggalah mereka bersaksi (mengakui) bahawa tidak ada Tuhan selain daripada Allah dan sesungguhnya Nabi Muhammad adalah Rasulullah SAW, mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat. (H.R Bukhari dan Muslim).

4. Syarat Wajib Berzakat

Terdapat beberapa syarat wajib zakat yang perlu diambil kira ke atas setiap pembayar zakat dan mereka perlu memahami serta memenuhi syarat-syarat tersebut sebelum membuat taksiran. Syarat-syarat tersebut ialah:

1) Islam

Kewajipan zakat hanya dikenakan ke atas orang-orang Islam sahaja bukan kepada orang yang kafir mahupun orang Islam yang telah murtad.

2) Merdeka

Hanya mereka yang merdeka dan bukan hamba abdi yang diwajibkan zakat. Meskipun tiada lagi amalan hamba abdi pada zaman sekarang, namun syarat ini tetap dikekalkan sebagai salah satu syarat wajib.

3) Sempurna milik

Harta yang hendak dizakat hendaklah dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh orang Islam yang merdeka tanpa campur tangan orang lain. Bagi harta yang berkongsi antara orang Islam dengan orang bukan Islam, hanya bahagian orang Islam sahaja yang diambil kira di dalam pengiraan zakat.

4) Hasil usaha yang baik sebagai sumber zakat.

Hasil usaha tersebut termasuklah pendapatan dan pengajian yang merangkumi upah, gaji, bonus, elaun, komisen, pemberian, ganjaran profesional, hasil sewaan, perkhidmatan dan sebagainya. Pendapat para fuqaha' menyatakan semua hal berkenaan pendapatan dan pengajian disebut sebagai 'mal mustafad' iaitu perolehan baru yang termasuk dalam taksiran sumber harta yang dikenakan zakat.

5) Cukup nisab

Nisab adalah paras minimum yang ditetapkan ke atas sesuatu harta sama ada ia wajib dikeluarkan zakat atau tidak. Syarat ini berlaku pada wang, emas, perak, barang dagangan dan haiwan ternakan. Nisab pada masa kini adalah berasaskan kepada nilai 85 gram emas atau 196 gram perak mengikut harga semasa.

6) Cukup Haul (Genap Setahun Hijriah)

Haul adalah perputaran harta satu nisab dalam 12 bulan hijriyah. Oleh itu, cukup haul ialah genap setahun iaitu selama 354 hari mengikut tahun hijrah atau 365 hari mengikut tahun masihi.

5. Jenis Zakat

Zakat terbahagi kepada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta.

1) Zakat Fitrah

Zakat fitrah difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Dinamakan zakat fitrah kerana ia bertujuan mensucikan jiwa dan badan. Kadar fitrah yang ditetapkan adalah satu gantang Baghdad makanan utama negeri berkenaan atau bersamaan dengan 2.5 kg atau senilai dengannya pada bulan Ramadhan iaitu bermula pada 1 Ramadhan sehingga 1 Syawal sebelum solat sunat Aidilfitri. Walau bagaimanapun, kadar ini mungkin berubah berdasarkan ketentuan pihak berkuasa agama negeri-negeri.

2) Zakat Harta

Zakat harta merangkumi zakat emas dan perak, zakat perniagaan, zakat binatang ternakan, zakat pertanian, zakat wang, zakat ma'adin (segala galian yang diperolehi dari perut bumi sama ada beku atau cair di darat atau di laut), kunuz (harta yang tersimpan di dalam bumi atau harta karun) dan rikaz (harta benda yang tersimpan di dalam bumi dan terdapat tanda-tanda yang menunjukkan ia tersimpan sebelum kedatangan Islam atau jumhur ulama berpendapat semua jenis simpanan jahiliah), zakat saham serta zakat pendapatan. Zakat harta boleh dibayar pada bila-bila masa. Manakala kadar zakat harta ialah 2.5% dari jumlah harta. Oleh itu, zakat perlu ditunaikan apabila cukup syarat-syaratnya kerana 2.5% dari harta tersebut sebenarnya merupakan hak lapan asnaf yang layak menerima zakat.

6. Asnaf Zakat

Allah SWT telah menetapkan hanya lapan asnaf (golongan) yang berhak menerima zakat sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَمَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْعَرْمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ ۖ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (٦٠)

Maksudnya:

"Sesungguhnya sedekah (zakat itu) hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan para amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan wang) dalam perjalanan. Satu ketetapan hukum yang datangnya dari Allah SWT, dan sesungguhnya Allah SWT Amat Mengetahui Lagi Amat Bijaksana".

Surah At-Taubah
(9):60

Daripada firman Allah SWT di atas, jelas dinyatakan bahawa terdapat hanya lapan asnaf (golongan) yang berhak untuk menerima zakat iaitu:

1) Fakir

Iaitu orang yang tidak mempunyai harta dan tiada mata pencarian, atau ada mempunyai mata pencarian tetapi hasil pendapatannya itu tidak cukup untuk menampung keperluan asas mereka seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya yang sesuai mengikut kebiasaan masyarakat. Kedudukan mereka lebih teruk daripada kedudukan orang-orang miskin dan ada pendapat yang mengatakan sebaliknya.

2) Miskin

Iaitu orang yang mempunyai harta atau mata pencarian tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan diri atau tanggungannya.

3) Amil

Iaitu pemungut zakat yang dilantik dan ditugaskan oleh pemerintah Islam untuk mengutip, menyelenggara dan mengagihkan zakat kepada mereka yang berhak.

4) Muallaf

Iaitu saudara baru yang memeluk agama Islam iaitu "orang yang dijinakkan hatinya" dengan diberi bantuan supaya mereka tetap teguh menyintai Islam.

5) Riqab

Hamba sahaya yang diberi peluang oleh tuannya menebus atau memerdekakan dirinya secara ansuran tetapi ia tidak mempunyai wang bagi tujuan tersebut.

6) Al-Gharimin

Orang yang menanggung hutang dalam perkara-perkara yang diharuskan syarak seperti berhutang demi memenuhi keperluan asas diri atau tanggungannya atau berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat tetapi tidak mampu untuk menyelesaikan hutang tersebut apabila telah sampai tempoh yang ditetapkan.

7) Fisabilillah

Orang yang berjuang di jalan Allah SWT bagi memenuhi keperluan dan kemaslahatan orang-orang Islam demi menegakkan syiar Islam.

8) Ibnu sabil

Musafir yang terputus perbelanjaan atau bekalan semasa di perantauan untuk meneruskan perjalanan yang bertujuan baik dan dibenarkan oleh syarak. Selain dari 8 asnaf (golongan) ini, mereka tidak layak atau tidak berhak untuk menerima wang zakat.

7. Aspek Pengurusan Zakat

Ibadah zakat bukanlah sekadar ibadah kepada Allah SWT semata-mata sebaliknya disyariatkan ibadah zakat kerana ia mengandungi banyak kepentingan dan kelebihan yang merangkumi pelbagai aspek seperti aspek agama, politik, ekonomi dan sosial bukan sahaja kepada masyarakat Islam bahkan kepada manusia sejagat.

1) Aspek Agama

Menunaikan zakat merupakan rukun ketiga daripada lima rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu muslim. Malah disebutkan dalam sebuah hadis bahawa Allah SWT tidak menerima solat seseorang yang tidak menunaikan zakat. Berdasarkan pendapat yang termasyhur, Allah SWT telah memerintahkan agar didirikan solat dan diikuti dengan perintah menunaikan zakat sebanyak lapan puluh dua kali dalam al-Quran. Jelas dinyatakan kedua-duanya wajib dilaksanakan seiringan sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَقْرِضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا (٢٠)

Maksudnya :

“Dan dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zakat dan berilah pinjaman kepada Allah SWT dengan pinjaman yang baik”.

Surah Al-Muzammil
(73):20

Namun begitu, terdapat juga dalam ayat Al-Quran di mana Allah SWT menekankan perintah menunaikan zakat sahaja. Jumhur ulama bersepakat bahawa seseorang yang mengingkari atau menolak walaupun salah satu daripadanya adalah kafir. Ini kerana kedua-duanya merupakan rukun Islam yang menjadi asas agama Islam dan merupakan ibadah yang wajib dilaksanakan. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar r.a, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Islam dibina di atas lima perkara iaitu bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan sesungguhnya Nabi Muhammad adalah Rasulullah SAW, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji di Baitullah bagi orang yang berkemampuan dan berpuasa pada bulan Ramadan.

Menunaikan zakat merupakan lambang kesyukuran kepada Allah SWT atas lebih nikmat harta yang dikurniakan oleh-Nya. Nikmat yang dikurniakan seperti nikmat kehidupan, kasih sayang, persaudaraan, rezeki, ilmu pengetahuan dan yang paling besar iaitu ialah nikmat Islam dan iman merupakan tanda kasih sayang Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu, bagi menunjukkan rasa syukur terhadap nikmat kurniaan-Nya, maka kita wajiblah melaksanakan apa jua suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Malah, dinyatakan dalam Al-Quran bahawa zakat juga merupakan syarat untuk mendapatkan bantuan daripada Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَيَنْصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنْصُرُهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ (٤٠) الَّذِينَ إِذْ مَكَتُّهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ۗ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَنُدْخِلَنَّهُمْ فِي الصَّرْحِ ۗ وَلِلَّهِ عِزُّ الْأُمُورِ (٤١)

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya Allah SWT akan menolong sesiapa yang menolong agama-Nya (agama Islam); Sesungguhnya Allah SWT Maha Kuat lagi Maha Kuasa. Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahatan serta perkara yang mungkar, dan (ingatlah) bagi Allah SWT jualah kesudahan segala urusan.

Surah Al-Hajj
(22):40&41

Selain itu, zakat juga mampu mensucikan diri dan menghapus dosa sebagaimana firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۗ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ (١٠٣)

Maksudnya:

“Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu (Muhammad) itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”.

Surah At-Taubah
(9):103

Ibadah zakat adalah salah satu jalan bagi manusia untuk mendekati diri kepada Allah SWT sekaligus dapat meningkatkan keimanan. Hal ini kerana zakat merupakan satu ibadah dan hanya mereka yang benar-benar beriman sahaja rela menunaikannya dalam erti kata dan semangat yang sebenarnya. Bahkan telah dinyatakan dalam Al-Quran bahawa menunaikan zakat merupakan antara ciri-ciri orang-orang mukmin yang berhak mewarisi Syurga Firdaus sebagaimana firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ (٤)

Maksudnya:

“Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu)”.

Surah Al-Mukminun
(23):4

Selain itu, pengurusan zakat berlandaskan syariat mampu membantu perkembangan agama Islam di mana hasil zakat berkenaan diagih-agihkan kepada golongan muallaf atau mereka yang baru memeluk Islam dengan tujuan pemberian tersebut mampu ‘menjinakkan’ hati mereka terhadap agama Islam.

Malah secara tidak langsung, keindahan prinsip-prinsip Islam yang menggalakkan sikap saling bantu-membantu antara golongan kaya dengan golongan yang memerlukan juga mampu menarik minat penganut-penganut agama lain agar memeluk agama Islam dan mendalaminya. Agama Islam menjadi semakin dihormati kerana umatnya tidak dihimpit kemiskinan dan kemelaratan manakala kehidupan umat Islam sendiri semakin terbela. Ekonomi umat Islam pula semakin berkembang sehingga disegani dan dihormati oleh penganut agama lain.

Bukan itu sahaja, malah apabila pengurusan zakat berlandaskan syariat dilaksanakan, seseorang akan lebih bersemangat untuk menegakkan agama Allah SWT kerana mereka yang berjuang fiasabilillah tergolong antara asnaf yang berhak menerima zakat. Secara tidak langsung, pergerakan dakwah dapat ditingkatkan kerana disokong oleh faktor ekonomi atau kewangan yang kukuh dan agama Islam semakin berkembang. Justeru, Islam akan lebih dihormati dan pengikutnya pula semakin bertambah. Di sinilah zakat memainkan peranannya yang amat besar dalam membentuk sebuah masyarakat Islam yang benar-benar menghayati segala ajaran dan tuntutan agama Islam.

2) Aspek Politik

Sistem pengurusan zakat masa kini telah mengalami perubahan yang sangat besar. Contohnya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah membuat anjakan paradigma dengan mengkorporatkan sistem zakat mereka melalui Baitulmal Wilayah Persekutuan demi pengurusan kutipan dan pengagihan hasil zakat yang lebih cekap dan sistematik. Hasil amalan kerja professional ini telah menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat dan bilangan pembayar zakat dan ini didedahkan oleh institusi-institusi zakat seluruh Malaysia.

Pengurusan zakat berlandaskan syariat Islam yang sebenar turut memberi kesan dan impak yang positif pada aspek politik. Melalui pengurusan zakat tersebut, aktiviti penyalahgunaan kewangan rakyat di kalangan pemimpin kerajaan juga dapat dicegah. Ini kerana pengurusan

zakat dan pengagihannya diuruskan oleh amil yang profesional dan sanggup memikul tanggungjawab negara, amanah masyarakat Islam dan perintah Allah SWT.

Tambahan pula, hasil zakat hanya diagihkan kepada mereka yang tergolong dalam lapan asnaf seperti ditetapkan syara' sahaja. Dengan pengurusan zakat yang menepati hukum syara', maka rakyat di bawah pemerintahan negara Islam akan berpeluang menikmati kehidupan yang sejahtera sebagaimana sabda Rasulullah SAW: "Setiap pemerintah yang bertanggungjawab bagi hal-ehwal orang-orang Islam tetapi tidak berusaha dengan jujur untuk menjaga kesejahteraan mereka, tidak akan memasuki syurga bersama-sama mereka" (H.R Imam Muslim).

Manakala Khalifah Umar Al-Khattab semasa pemerintahannya pula pernah menulis kepada Abu Musa, gabenor di sebuah daerah: "Orang yang terbaik dalam kewibawaan ialah seseorang yang di bawah pemerintahannya terdapat ramai pengikut yang menikmati kesejahteraan manakala pemerintah yang buruk pula ialah seseorang yang di bawah pemerintahannya terdapat ramai yang menderita kesusahan". (Khursid Ahmad, 1976). Justeru, jika zakat yang menjadi sumber atau dana utama bagi Baitulmal sesebuah negeri sudah berupaya menyumbang dan menampung pelbagai program kebajikan dan pendidikan khusus untuk menolong masyarakat Islam serta mendirikan pusat-pusat sosial, maka hasil pendapatan negara pula boleh digunakan dan dimanfaatkan kepada hal-hal lain mengikut keperluan dan kehendak negara.

Politik sesebuah negara umumnya merangkumi aspek ekonomi dan sosial. Justeru, keseimbangan antara kedua-duanya adalah sangat penting dalam memastikan politik negara tidak terjejas dan melancarkan lagi pentadbiran dan pembangunan negara. Di sinilah pengurusan zakat memainkan peranan untuk turut membantu menyeimbangkan kedua-dua aspek tersebut dengan menyumbang kepada sumber kewangan negara. Negara yang tidak mempunyai pengurusan zakat yang teratur dan sistematik boleh dianggap rugi kerana mereka kekurangan salah satu sumber kewangan bagi menyeimbangkan pentadbiran negara sedangkan Allah SWT telah memberi jalan dan mempermudah manusia asalkan mereka mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan-Nya seperti yang termaktub dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Justeru, pengurusan zakat masa kini juga dilihat mampu menyumbang kepada peningkatan tahap kecekapan dalam mengurus sumber negara secara optimum dan melancarkan lagi pentadbiran negara. Melalui pengurusan zakat yang berlandaskan syariat, dapat memberi panduan masyarakat khususnya mereka yang memimpin tentang cara-cara menguruskan kewangan atau bidang ekonomi umumnya mengikut tatacara yang diredhai Allah SWT. Contohnya, pengurusan yang cekap dan sistematik memerlukan susunan organisasi yang teratur dan dipegang oleh mereka yang beramanah, dipercayai, bertanggungjawab serta memiliki kriteria-kriteria tertentu.

Hal ini bertentangan dengan pengurusan kewangan berlandaskan akal manusia semata-mata seperti yang diamalkan di bank-bank konvensional umpamanya dimana banyak melibatkan unsur-unsur riba dan syubhah. Pengurusan zakat mengikut syariat dilihat mampu mengelakkan penyalahgunaan harta dan wang ringgit seperti riba kerana penindasan dapat dielakkan bahkan mereka yang layak dan tergolong dalam lapan asnaf yang ditetapkan syara' berhak memperoleh hasil zakat yang didermakan sebagaimana firman Allah SWT:

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُزِيلُ الصَّدَقَاتِ ۗ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ (٢٧٦)

Maksudnya:

“Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah, dan Allah tidak menyukai setiap orang yang tetap dalam kekafiran, dan selalu berbuat dosa”.

Surah Al-Baqarah

(2):276

Terdapat kata sepakat yang umum di kalangan para ulama bahawa kutipan dan pembayaran zakat pada asasnya adalah tanggungjawab negara Islam. Inilah yang ditunjukkan pada zaman Rasulullah SAW dan diteruskan oleh Khalifah Abu Bakar dan Khalifah Umar bin al-Khatab dalam pemerintahan mereka setelah kewafatan baginda SAW (Khursid Ahmad, 1976). Abu Bakar Al-Jassas iaitu seorang pengulas terkemuka tentang keputusan hukum Al-Quran pula menegaskan bahawa pemerintah negara bertanggungjawab untuk menginstitusikan sistem pungutan zakat berdasarkan firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۗ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ (١٠٣)

Maksudnya:

“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya Engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak Yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana Sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui”.

Surah At-Taubah
(9):103

Dari aspek politik yang lebih luas pula, pengurusan zakat dilihat perlu memainkan peranan untuk membantu memerangi segala bentuk belunggu atau cengkaman yang masih wujud pada masa kini iaitu seperti kejahilan dan penajajahan meskipun belunggu sistem pengabdian telah lama terhapus. Pejuang-pejuang Islam yang berjuang untuk membebaskan negara dan rakyat mereka daripada penjajahan merupakan mujahidin pada jalan Allah SWT dan pastinya mereka tergolong dalam asnaf ‘fisabilillah’. Tidak kiralah sama ada mereka berjuang di negeri sendiri atau terpaksa meninggalkan negara sebagai ‘pelarian politik’ atau berjuang dari luar.

Selain itu, zakat dari aspek politik juga boleh dilihat peranannya dalam ‘memperjinakkan hati’ mereka yang baru memeluk Islam. Menurut Muhammad Syukri Salleh (1990), peranan zakat bukanlah terhad kepada golongan tersebut semata-mata tetapi turut merangkumi beberapa golongan lain yang sama seperti mereka antaranya orang-orang kafir yang diharap akan memeluk Islam jika diberi bantuan kepadanya, orang-orang kafir yang dihormati kaumnya dan jika diberikan kepadanya akan menjinakkannya dan kaumnya untuk memeluk Islam, orang-orang kafir yang diharap boleh membantu Islam melawan musuh dan orang-orang kafir yang ditakuti bahaya mereka. Namun begitu, pemberian tersebut hanya boleh dilakukan

ketika darurat atau terpaksa sahaja ketika kelemahan orang-orang Islam. Pemberian ini bertujuan menjinak dan menguatkan iman, menarik kebaikan daripada orang-orang kafir dan menolak kejahatan mereka.

3) Aspek Ekonomi

Zakat memainkan peranan besar dalam bidang ekonomi masyarakat Islam terutamanya dalam membantu membasmi masalah kemiskinan. Ini kerana kemiskinan merupakan salah satu daripada tiga serangkai penghancur iaitu kejahilan, kemiskinan dan penyakit. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ (٢٣) وَالَّذِينَ فِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُومٌ (٢٤)

Maksudnya:

“Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum. Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)”.

Surah Al-Maarij
(70):23&24

Manakala dalam sebuah hadis pula, Rasulullah SAW bersabda: “Kemudian beritahulah mereka bahawa Allah SWT telah memfardhukan ke atas mereka sedekah (zakat) yang diambil (dengan undang-undang yang dikuatkuasakan) daripada orang-orang kaya dan diberikan kepada fakir miskin. Mereka ini menunjukkan bahawa masalah kemiskinan merupakan tujuan utama diwajibkan zakat dalam Islam.

Zakat merupakan salah satu sumber kewangan dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan iaitu dengan cara memperuntukkan sebahagian besar dana yang diperolehi kepada golongan fakir miskin terutamanya yang cacat anggota bagi membantu mereka menyara hidup selain dapat dimanfaatkan sebagai modal untuk mereka menjalankan pekerjaan. Saraan hidup yang diberi dengan kadar mencukupi sesuai mengikut keadaan ekonomi, masa, tempat dan keperluan mereka agar dapat dibelanjakan bagi mencukupkan keperluan makan minum, pakaian, tempat tinggal, pelajaran dan kesihatan.

Manakala modal pula diberi mencukupi berdasarkan kadar projek yang hendak dilaksanakan sesuai dengan keadaan ekonomi, masa dan tempat. Perlu diingat, bantuan bagi menyara hidup dan modal yang disumbangkan bukanlah bertujuan menggalakkan kemalasan, pengangguran sehingga mengancam ketenangan dan keselamatan negara sebaliknya dapat meringankan beban yang ditanggung serta menjadi sumber dan penggalak bekerja untuk golongan fakir dan miskin.

Selain itu, modal yang diberikan kepada fakir miskin untuk mereka bekerjasama ada berupa “pemberian hangus” yang tidak dituntut semula atau “pinjaman tanpa faedah” mampu menutup pintu pinjaman yang berasaskan riba. Di sinilah zakat mampu berperanan sebagai ‘alat’ untuk memerangi ‘penyakit riba’ yang dilaknat Allah SWT dan Rasulullah SAW ke atas mereka yang terlibat sama ada penerimanya, pemberinya, pencatatnya dan mahupun

saksi-saksinya. Hal ini disebutkan dalam sebuah hadis Rasulullah SAW: “Rasulullah SAW melaknat penerima riba, pemberinya, pencatatnya dan saksi-saksinya, dan baginda bersabda mereka semua adalah sama.” (H.R Bukhari dan Muslim)

Walaupun pengharaman riba telah melalui beberapa peringkat namun akhirnya Allah SWT telah mengisytiharkan perang terhadap mana-mana golongan yang mengamalkan riba dan enggan meninggalkannya. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ (٢٧٨) فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَإِن تُبْتِغُوا فَلَئِنَّكُمْ لَفِي رُءُوسِ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ (٢٧٩)

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah SWT dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu akan adanya peperangan dari Allah SWT dan Rasul-Nya SAW, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”.

Surah Al-Baqarah
(2):278&279

Muhammad Syukri Salleh (1990) berpendapat, pengurusan zakat yang efektif mampu menggalakkan pelaburan dan seterusnya mencegah pembekuan harta. Secara tidak langsung, ini dapat menggalakkan peredaran harta, wang atau kekayaan di kalangan anggota masyarakat sekaligus mengelakkan berlaku terkumpulnya harta, wang atau kekayaan di tangan pihak-pihak tertentu sahaja. Malah Rasulullah SAW dalam sebuah hadis pernah menyarankan agar diperniagakan harta-harta anak yatim agar nanti tidak berkurangan setelah ditunaikan zakat.

Selain itu, Allah SWT juga mengharamkan pembekuan harta tanpa dibelanjakan pada jalan Allah seperti mengelak daripada membayar zakat, melaburkannya di tempat-tempat yang dibenarkan syara' dan mendatangkan kebaikan kepada masyarakat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَخْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ ۗ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ أَلْدَهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ (٣٤)

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendeta-pendeta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah SWT (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah SWT, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

Surah At-Taubah
(9):34

Dalam aspek ekonomi juga, peranan zakat dilihat amat penting bagi mendekatkan jurang yang jauh antara anggota sesebuah masyarakat dan mengagihkan semula pendapatan mengikut hak-hak yang ditetapkan. Ini jelas daripada kutipan sebahagian harta orang-orang kaya untuk dibahagi-bahagikan kepada mereka yang kurang berkemampuan dan memerlukan. Dengan itu, masalah sosio-ekonomi umat Islam dapat diatasi dan seterusnya dipertingkatkan. Ini kerana zakat merupakan sumber kekuatan umat Islam. Dalam mengagih dana zakat, pihak berwajib seharusnya merancang dengan teliti dan sistematik agar kesan positif yang optima mampu dihasilkan. Golongan penerima zakat hendaklah diselesaikan keperluan asasnya agar akhirnya mereka mampu keluar daripada golongan penerima zakat dan seterusnya berupaya menjadi penyumbang atau pemberi pada masa akan datang dan keadilan sosial dapat diwujudkan dalam masyarakat sejagat.

Selain itu, pelan tindakan bersepadu juga boleh dirangka bagi memastikan keberkesanan agihan zakat dalam meningkatkan tahap ekonomi ummah. Walau bagaimanapun, pelan tindakan ini perlu melibatkan kerjasama dan tindakan bersepadu dari tiga pihak yang utama iaitu pihak agensi zakat, penerima agihan zakat dan pihak kerajaan. Manakala masyarakat Islam yang lain pula perlu bersama-sama mengembeling tenaga dalam apa jua bentuk bagi memastikan matlamat

tersebut tercapai. Justeru, mereka yang kaya tidaklah menjadi semakin kaya sehingga timbul perasaan tamak haloba dan alpa manakala mereka yang miskin pula tidaklah terus menerus dihipit kesempitan hidup dan serba kekurangan. Sesungguhnya Allah SWT telah menjanjikan ganjaran yang amat besar sekali kepada mereka yang melakukannya dan azab yang amat dahsyat kepada yang mengingkarinya.

4) Aspek Sosial

Dari aspek sosial, pengurusan zakat jelas membantu dalam memenuhi keperluan hidup fakir miskin yang merupakan kelompok majoriti sebahagian besar negara di dunia. Zakat juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kebajikan masyarakat yang terdapat jurang perbezaan di antara golongan kaya dan golongan miskin. Di antara hikmat disyariatkan zakat ialah, pengurusannya mampu memperbaiki kedudukan masyarakat dari sudut moral dan material di mana ia dapat menyatukan anggota masyarakat sehingga menjadi seolah-olah sebatang tubuh. Selain dari itu, ia juga dapat membersihkan jiwa dari sifat kedekut dan bakhil. Ia juga merupakan benteng keamanan didalam sistem ekonomi Islam dan penjamin ke arah kestabilan dan kesinambungannya.

Menurut Muhammad Syukri Salleh (1990), pengurusan zakat turut berperanan membantu golongan 'Al-Riqab' dari aspek sosial. Namun begitu, 'Al-Riqab' pada masa kini bukanlah berbentuk 'belunggu pengabdian' seperti satu masa dahulu tetapi sebaliknya ia kini wujud dalam bentuk yang lain iaitu 'belunggu kejahilan'. Oleh itu, zakat berperanan untuk turut memerangi masalah kejahilan kerana belunggu kejahilan dikira sama dengan belunggu pengabdian yang telah terhapus pada masa kini.

Masalah perkahwinan turut diberi perhatian dalam pengurusan zakat dimana para fakir miskin yang berhajat untuk berkahwin diberi hak mereka daripada hasil zakat. Tidak kiralah

sama ada bantuan tersebut dalam bentuk sumbangan ‘hangus’ atau pinjaman tanpa riba. Malah tercatat dalam sejarah, baik pada zaman Rasulullah SAW mahupun selepas kewafatan baginda SAW bahawa mereka yang mempunyai masalah untuk berkahwin di kalangan para fakir miskin mendapat hak peruntukan daripada sebahagian hasil zakat. Begitu juga pada zaman Khalifah Umar bin Abdul Aziz, mereka yang berhutang dan berhajat untuk berkahwin turut diberi peruntukan apabila tiba masa pembahagian zakat diumumkan kepada segenap golongan yang berhak memperolehi hasil zakat. Para fuqaha’ menyatakan bahawa kadar mencukupi yang diambil kira semasa pembahagian zakat kepada mereka yang berhajat untuk berkahwin adalah mengikut keperluan fakir miskin tersebut dengan syarat ia tidak mempunyai isteri dan berhajat untuk berkahwin.

Dari sudut sosial juga, zakat dapat memberikan dorongan kekuatan bagi kaum muslimin dan mengangkat kehadiran mereka. Hal ini dapat dilihat dalam golongan penerima zakat, salah satunya adalah perjuangan di jalan Tuhan. Zakat boleh mengurangkan dendam dan rasa dengki yang ada dalam dada fakir miskin. Hal ini kerana masyarakat bawahan biasanya berasa benci apabila melihat mereka yang berkedudukan tinggi melaburkan harta untuk sesuatu yang tidak bermanfaat. Jika harta tersebut melimpah itu dimanfaatkan untuk mengurangkan kemiskinan, tentu akan terjalin keharmonian dan kasih saying antara si kaya dan si miskin.

Selain itu, zakat sangat berperanan dalam mewujudkan keadilan sosial. Zakat juga merupakan pelaburan sosial, selain pahalanya disebutkan secara tegas di dalam al-Qur’an bahawa setiap harta yang kita keluarkan akan mendapat balasan berkali-kali ganda. Zakat akan memacu pertumbuhan ekonomi pelakunya dan yang jelas berkahnya akan melimpah. Dengan berzakat kita telah berperanan secara aktif dalam memerangi kemiskinan. Terdapat agihan harta di kalangan masyarakat di mana golongan miskin akan mendapat manfaat dengan kewujudan golongan kaya dan golongan kaya pula akan mendapat sumbangan kerjasama serta doa dari orang-orang yang miskin. Inilah yang menunjukkan kepada kita tentang pentingnya sikap tolong menolong di antara satu sama lain di dalam peraturan Islam.

Di samping itu, zakat juga sebenarnya mempunyai unsur mengembangkan sikap gotong-royong dan tolong-menolong. Zakat dapat membantu orang-orang yang memerlukan dan membantu menyelesaikan hutang bagi golongan ‘al-gharimin’ iaitu orang yang menanggung hutang dalam perkara-perkara yang diharuskan syarak seperti berhutang demi memenuhi keperluan asas diri atau tanggungannya atau berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat tetapi tidak mampu untuk menyelesaikan hutang tersebut apabila telah sampai tempoh yang ditetapkan walaupun melibatkan pemiutang bukan Islam tetapi di kalangan kafir zimmi iaitu orang kafir yang patuh kepada pemerintahan Islam.

Selain itu, pengurusan zakat turut membantu golongan ‘ibnu sabil’ iaitu dengan mencegah masalah pengangguran di samping tujuan asalnya untuk membantu pengembara terputus perbelanjaan atau bekalannya semasa diperantauan untuk meneruskan perjalanan yang bertujuan baik dan dibenarkan oleh syarak. Bantuan turut diberikan kepada peminta-peminta sedekah di jalan- jalan, anak-anak buangan yang tidak beribu bapa kerana mereka sebenarnya turut tergolong dalam asnaf ‘ibnu sabil’.

Manakala bagi asnaf ‘fi sabilillah’, zakat telah diperuntukkan bagi membantu mereka berjihad pada jalan Allah SWT dalam apa jua bentuk sekalipun. Apatah lagi, jihad pada masa kini dilihat lebih tertumpu dengan menggunakan pena dan lisan sahaja. Peruntukan yang

diberikan kepada pejuang-pejuang sukarela pada jalan Allah SWT adalah penting kerana kebiasaannya mereka tidak mendapat sumber kewangan tetap daripada mana-mana pihak secara rasmi. Oleh itu, dengan adanya peruntukan tersebut, zakat mampu membantu menyiarkan dakwah Islamiah dan ilmu pengetahuan sebagai salah satu medium jihad fi sabilillah.

Dengan zakat juga, dakwah Islam dapat diperluas cakupannya, termasuk untuk menjinakkan hati para muallaf. Misi sosial zakat yang begitu idealis tersebut tidak dapat dipenuhi dengan baik tanpa adanya lembaga pengelolaan zakat yang dijalankan secara profesional. Menurut Dr. M. Yusuf Qardhawi, zakat merupakan salah satu dari aturan jaminan sosial dalam Islam yang dapat memperbaiki corak penggunaan, pengeluaran dan pengagihan wang dalam masyarakat Islam. Kepentingan zakat yang kelima ialah zakat juga merupakan perlindungan sosial kepada manusia. Proffessor F. Benham dalam bukunya, *Economics*, menjelaskan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan perlindungan ekonomi yang minimum kepada setiap warganegarannya. Bagi menangani masalah pengangguran masyarakat Islam, hasil zakat sebahagiannya diambil untuk disediakan keperluan yang diperlukan dalam bekerja, menyediakan peluang pekerjaan, menjana pendidikan dan tempat latihan para pekerja. Ungkapan yang biasa digunakan untuk perlindungan ekonomi yang minimum ini ialah perlindungan sosial. Biasanya tidak wujud perbezaan yang jelas antara langkah-langkah perlindungan sosial dan lain-lain langkah yang mengurangkan ketidakadilan seperti perkhidmatan hospital, nasihat perubatan dan ubat percuma, pendidikan percuma dan subsidi ke atas makanan dan rumah kediaman golongan pekerja.

Begitu juga dengan bantuan wang kepada golongan yang mengalami penderitaan dari segi ekonomi dan sebagainya. Hal ini adalah sama dengan sistem asnaf di dalam perlasanaan zakat kepada umat Islam. Ia dapat mewujudkan perasaan persamaan dan persaudaraan di kalangan golongan yang kaya dan golongan yang miskin iaitu dengan meletakkan rasa tanggungjawab ke atas golongan kaya dan berharta untuk memelihara golongan fakir dan miskin.

8. Penutup

Begitulah peranan dan kepentingan yang dimainkan oleh ibadah zakat jika dilihat dalam aspek agama, politik, ekonomi dan sosial. Ia merupakan ibadah yang telah disyariatkan dengan tujuan-tujuan dan matlamat tertentu tetapi berkait antara satu sama lain secara cukup lengkap dan sempurna serta jelas memainkan peranan yang amat besar terhadap pembangunan masyarakat Islam yang dikehendaki dan diredhai Allah SWT. Sejarah Islam jelas membuktikan bahawa pengurusan zakat yang menepati kehendak syara' mampu memainkan peranan aktif dalam mengupayakan dan membangun kesejahteraan ummah sekurang-kurangnya dari tiga aspek iaitu agama dan moral, sosial dan ekonomi. Pertama, dari aspek moral contohnya, zakat dapat mengikis habis ketamakan dan keserakahan sikaya yang memiliki kecenderungan cinta harta. Kedua iaitu dari aspek sosial, zakat dapat bertindak sebagai alat khas yang diberikan Islam untuk menghapusstaraf kemiskinan masyarakat dan sekaligus menyadarkan orang-orang kaya akan tanggungjawab sosial yang yang dibebankan agama kepada mereka. Manakala yang ketiga iaitu dari aspek ekonomi, zakat memainkan peranan untuk mencegah terkumpulnya harta pada pihak-pihak tertentu semata-mata dan dapat mendekatkan jurang perbezaan ekonomi dalam masyarakat. Dengan kata lain, zakat difungsikan sebagai pengendalian terhadap sifat manusia yang cenderung terhadap kekayaan dan kehormatan sebagaimana firman Allah SWT:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُمَنْطَرَةِ مِنَ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ الْمَسْوُومَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَّعَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا ۗ وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَآبِ (١٤)

Maksudnya:

“Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik(syurga)”.

Surah Ali Imran
(3):14

Namun begitu, ia tidak mungkin dapat mencapai tujuan dan matlamat yang dikehendaki sekiranya tiada pelaksanaan yang berkesan dan sistematik oleh pihak yang berwajib dan kesedaran umat Islam sendiri dalam menunaikan kewajipan ibadah zakat. Perlu diketahui bahawa kewajipan ibadah zakat adalah menyeluruh iaitu tidak kira sama ada kecil, besar, lelaki, perempuan, tua, muda, tinggi mahupun rendah. Juga meliputi segala jenis harta kekayaan yang diperolehi dan dimiliki seseorang berupa keuntungan atau pendapatan yang boleh dikembangkan seperti tanam-tanaman, binatang ternakan, harta, wang ringgit dan sebagainya.

Oleh itu, pihak berkuasa bertanggungjawab memastikan rakyatnya menunaikan kewajipan yang telah disyariatkan terutamanya di kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, pusat-pusat perniagaan dan lain-lain. Rasulullah SAW sendiri tidak pernah menyerahkan urusan zakat kepada orang perseorangan sebaliknya diserahkan menjadi tanggungjawab pemerintah dalam urusan pemungutan dan pengagihan zakat. Hal ini adalah kerana tujuan dan matlamat disyariatkan zakat tidak mampu dicapai sekiranya ibadah tersebut tidak dilaksanakan secara menyeluruh atau mengikut tatacara yang tidak berlandaskan syariat. Malah pelaksanaan yang sebegini akan mencacatkan lagi apa yang ingin dicapai daripada ibadah zakat tersebut dan tidak meninggalkan sebarang kesan yang diharapkan sekaligus merosakkan kesempurnaan Islam itu sendiri. Akibatnya, masyarakat Islam akan jauh ketinggalan dalam pembangunan dari segenap segi kerana kegagalan mereka memenuhi tuntutan agama Islam yang sebenar.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim, Rasm Uthmani.

Al-Hadith An-Nabawi Sohib Al-Bukhari wal Muslim.

Tafsir Ar-Rahman, Mushaf Malaysia Rasm Uthmani.

Prof. Dr. Wahbah Az-Zuhaili, Fiqh Islami Wa Adillatuhu Wa Qodoya Mua'soroh, Darul Fikir Jordan.

Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho & Ali Asy-Syarbaji, Fiqh Al-Manhaji, Jilid 2, Bab Zakat, Puasa, Haji dan Umrah, Darus Salam Kaherah, Mesir.

Sayyid Sabiq, Fiqh As-Sunnah, Jilid 2, Bab Puasa & Zakat, Darul Hadith Kaherah, Mesir.

Ali Akbar Osman (1997), Mengapa Perlu Membayar Zakat, Al-Hidayah Publisher, Kuala Lumpur.

Khursid Ahmad (1991), Kajian Dalam Ekonomi Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mahmood Zubdi Abd. Majid (2003), Pengurusan Zakat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Muhammad Abdul Mannan (1992), Ekonomi Islam : Teori dan Praktis (Asas-asas Ekonomi) Jilid ke 2 (Bahagian III), A.S Noordeen, Kuala Lumpur.

Muhammad Syukri Salleh (1990), Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam, Penerbit Universiti Sains Malaysia; Pulau Pinang.

Dr. M.Yusuf Al-Qardawi (1987), Hukum Zakat, Singapura : Penerbitan Pustaka Nasional Pte Ltd.

MAINS Khutbah Archives (Koleksi Khutbah-khutbah Jumaat) daripada http://www.mains.gov.my/eServices/dg_khutbah-archives.aspx.

Peranan Zakat dalam Membanteras Kemiskinan (Perincian Asnaf Fakir dan Miskin) diperoleh daripada

<http://www.jawhar.gov.my/dokumentasi/PERINCIAN%20ASNAF%20FAKIR%20DAN%20MISKIN.doc?PHPSESSID=0098bca97ab8802244f0f204ce8cc1e8>

Shazana Binti Mohd Saad , Pengurusan Zakat diperoleh daripada

<https://www.scribd.com/doc/21216928/Pengurusan-Zakat>

Patmawati Hj. Ibrahim, Peranan Ibadah Zakat dalam Meningkatkan Tahap Ekonomi Ummah diperoleh daripada

http://www.zakat.com.my/kertas_kerja/KERTAS%20KERJA%206%20-%20DR.%20PATMAWATI.pdf

Laman Web Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Zakat diperoleh daripada <http://www.maidam.gov.my>

Hairunnizam Wahid et. al., Fakulti Ekonomi, UKM, Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin diperoleh daripada

<http://www.pkukmweb.ukm.my/~hairun/kertaskerja/kuim.pdf>

Muhammad Azizan Abdullah, Pena Ekonomi - Zakat Selangor (PENZSEL) Akademi Ekonomi Islam (AKADEMEI), (23 November 2005), Zakat: Penaja Kewangan, Penaja Sosio-Ekonomi Ummah diperoleh daripada <http://www.e-zakat.com.my/artikel/artikel-14.asp>

Zakat (Dari Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas) diperoleh daripada <http://ms.wikipedia.org/wiki/Zakat>